

Dr Mahathir pencetus industri maritim dan ekotourisme

BH 31/10/2003 - 3 PRECISE

Oleh Kamal Ahmad

HARI ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersara daripada jawatan Perdana Menteri, selepas 22 tahun menerajui kerajaan. Persaraan beliau adalah satu kehilangan besar kepada rakyat. Pada masa sama, dengan sokongan padu segenap lapisan kepemimpinan dan rakyat, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tampil mengisi jawatan itu. Beliau sudah bersedia menghadapi apa juga cabaran bakal dihadapi di peringkat dalam negara mahupun persada antarabangsa.

JORAN minggu ini turut memaparkan secara ringkas jasa Dr Mahathir dalam skop pembangunan industri perikanan dan ekotourisme. Kedua-dua bidang ini berkait rapat soal sumber marin dan bagaimana ia wajar dimanfaatkan rakyat.

Dr Mahathir juga suka memancing. *JORAN* difahamkan, sebelum menjadi ahli politik, beliau mempunyai sebuah bot pancing di Kuala Kedah dan ke laut memancing jika ada masa kelapangan daripada tugas di klinik.

Ketika bercuti di United Kingdom tidak lama dulu, beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, sempat memancing ikan trout di Pickenham Hall Estate, Norfolk, England. Trout adalah spesies ikan air tawar yang mendiami kebanyakan sungai dan tasik sekali gus menjadi buruan pengamal sukan memancing di Eropah.

Dr Mahathir juga ada memancing secara *trotling* di Langkawi dan mendapat ikan alu-alu. Gambar beliau dengan ikan berkenaan pernah disiarkan dalam *JORAN*. Mungkinkah selepas ini beliau akan meluangkan masa untuk memancing?

Di samping itu, Dr Mahathir adalah pencetus utama pembangunan ekotourisme. Pelancongan berasaskan alam itu beliau lihat adalah trend pelancongan terkini. Ia memberi hasil berbilion ringgit kepada negara yang mengusahakannya. Beliau yang mempopularkan pembangunan pusat marina di Langkawi yang kemudian diikuti dengan penubuhan marina di seluruh negara. Penubuhan marina mendorong pertumbuhan pelbagai kegiatan marin seperti sukan layar, menyelam, snorkeling, meninjau pulau serta memancing.

Dalam penganjuran pertandingan memancing, Unit *Joran* ada sejarah tersendiri bersama Dr Mahathir. Beliau menyempurnakan upacara pelepasan peserta Kategori Laut Dalam pada siri akhir GP *Joran* di Awana Porto Malai, Langkawi pada 5 Disember 1998.

Selepas menyempurnakan acara GP *Joran*, beliau meninjau persiapan anak Melayu pertama untuk mengelilingi dunia - Datuk Azhar Mansor, yang



DR Mahathir meninjau persiapan Azhar untuk melakukan ekspedisi mengelilingi dunia di atas kapal Jalur Gemilang pada 1998 di Langkawi.

juga mendapat ilham dan sokongan padu daripada Dr Mahathir bagi membuktikan bangsa Melayu masih menguasai lautan sebagaimana beberapa abad lalu.

Kehadiran Perdana Menteri ketika itu membara semangat dan tekad anggota Team *Joran* untuk menganjurkan GP *Joran* seterusnya. Ini terbukti apabila Berita Harian meneruskan acara itu sehingga kini dan menjadi antara pihak yang bertanggungjawab mempopularkan sukan memancing sehingga mencapai tahap yang tinggi sekarang.

Lembaran sejarah lain bersama Unit *Joran* ialah apabila Dr Mahathir menyempurnakan acara perlawanan Pertandingan Memancing *Joran* Perdana-MK Land di Langkawi Lagoon Resort pada 1 Mac 2003.

Beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kemudian mengambil kesempatan lebih 40 minit memancing di benteng pemecah ombak di situ selain berbual dengan anggota Team *Joran* dan peserta.

Dr Mahathir antara lain berkata: "Saya sendiri mengaku tidak memiliki kesabaran berkenaan

iaitu duduk sambil memegang joran menunggu disentak ikan."

Namun beliau yakin kegiatan memancing di Malaysia terus berkembang dan boleh dijadikan satu produk yang mampu menarik pelancong domestik mahupun antarabangsa.

Kini melalui komitmen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kerajaan dalam proses mempopularkan sukan memancing sebagai satu lagi produk untuk dijual kepada pelancong asing. Umamanya, memancing ikan layaran di Rompin, Pahang yang diakui sebagai lubuk layaran paling hebat di Asia.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib, berkata Dr Mahathir adalah pendorong kegiatan akuakultur di Langkawi sehingga membabitkan pelaburan berjuta ringgit. Beliau kerap meninjau perkembangan projek itu di Kilim dan Kuala Kedah.

Naib Presiden Persatuan Memancing Malaysia (PeMM), Mejar (B) Ismail Feisol, pula merakamkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana beliau berjaya mencetuskan perkembangan industri maritim

dan marina negara.


"Beliau juga bertanggungjawab menurunkan cukai import peralatan memancing sekali gus menggalakkan pertumbuhan sukan memancing sebagai hobi dan rekreasi secara solo, sekeluarga mahupun berkumpulan paling popular sekarang," katanya.

Dalam industri perikanan, Dr Mahathir menggalakkan usahawan dan nelayan tempatan meneroka perikanan laut dalam khususnya penangkapan tuna di Lautan Hindi. Ini bagi membantu negara mengurangkan produk perikanan berjumlah ratusan juta ringgit setahun. Bagi mewujudkan industri perikanan canggih, beliau mengemukakan satu dana melalui Pakej Strategi Rangsangan Ekonomi berjumlah RM7.3 bilion pada 22 Mei lalu, untuk memoden dan membina 1,000 bot canggih.

Kepada Dr Mahathir, Unit *Joran* dan Team *Joran* merakamkan ucapan terima kasih di atas segala usaha, jasa dan kebijaksanaan beliau untuk membawa rakyat mahupun negara ini ke persada gemilang.



DR Siti Hasmah memancing ikan trout ketika bercuti di England, beberapa tahun lalu.



AKTIVITI meninjau pulau semakin popular di negara ini.



DR Mahathir melepaskan benih ikan dalam satu majlis di Johor pada 1987.



DR Siti Hasmah asyik mendengar taklimat menggunakan joran daripada petugas Unit *Joran*.



HOBII memancing mendapat faedah daripada langkah menurunkan cukai import peralatan itu ketika kerajaan di bawah pentadbiran Dr Mahathir.



DATUK Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir memancing layaran di Rompin - satu produk yang disasarkan oleh Dr Mahathir untuk menarik pelancong asing.



KEGIATAN ekotourisme dipopularkan sejak beberapa tahun lalu.



DR Mahathir meninjau satu pameran industri perikanan dan akuakultur.



KESIBUKAN tugas tidak menghalang Dr Mahathir daripada meninjau pembangunan Pulau Payar.